



1. JAWATAN	: PEGAWAI PERIKANAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERIKANAN
	KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
	SUMBER-SUMBER UTAMA
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Perikanan / Sains Perikanan / Matematik / Ekonomi / Sains Biologi / Biologi Marin / Kimia / Mikrobiologi / Biokimia / Sains Sosial / Perundangan / Teknologi Makanan atau bidang bersesuaian.
ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Pegawai Perikanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 / B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 / B.2 EB.3 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih dari tindakan tatatertib/jenayah.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERIKANAN KANAN:

1. Selaku Ketua Divisyen di dalam Struktur Organisasi Jabatan Perikanan.
2. Bertanggungjawab dalam membantu Pejabat Pengarah dalam menyediakan perancangan yang strategik bagi menyumbang kearah mencapai sasaran penghasilan industri perikanan yang telah digariskan.
3. Bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek-projek dalam bidang-bidang yang dikenalpasti bagi meningkatkan dan memudahkan penghasilan industri perikanan serta bidang-bidang yang berkaitan dengannya.
4. Bertanggungjawab dalam pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber tenaga manusia dalam Divisyen berkenaan.
5. Bertanggungjawab dalam memastikan akta-akta perikanan dan peraturan-peraturan perikanan dipatuhi oleh semua pihak yang berkecimpung di dalam Industri Perikanan.
6. Bertanggungjawab dalam menyediakan anggaran perbelanjaan samaada dibawah peruntukan tahunan mahupun dibawah Rancangan Kemajuan Negara bagi Divisyen berkenaan.
7. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.